

## **BAB 1**

### **PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG KAJIAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Dalam sejarah peradaban, ketaatan dan protes sering dikaitkan dengan *survival politik*. Dua unsur yang berkontradiksi ini telah berkembang dalam lingkungan budaya politik Melayu untuk satu tempoh sejarah yang panjang. Proses kebudayaan yang berjalan melalui proses sejarah – yang ditandai oleh kebangkitan empayar-empayar Melayu zaman Hindu dan Islam serta negara-negara naungan kolonial Barat serta negara berdaulat yang merdeka – secara bersambung-sambung melahirkan satu bentuk ketaatan dan protes yang kini merupakan sebahagian nilai budaya politik masyarakat Melayu.

Istilah ketaatan berasal daripada perkataan Arab *taat* yang bermakna patuh. Istilah ini banyak terdapat dalam al-Quran dan hadis untuk maksud “kepatuhan tanpa soal” terhadap tuntutan atau perintah dalam agama Islam. Konsep yang sama digunakan dalam konteks epistemologi Melayu. Ketaatan diperihalkan sebagai satu bentuk kepatuhan atau kesetiaan, dan seringkali dikaitkan dengan perlakuan menurut tanpa soal atau tanpa sikap membantah (*Kamus Dewan*, 1990 : 1337).

Unsur ketaatan dalam politik Melayu pada asasnya boleh diuraikan dalam kerangka psikologi masyarakat, khususnya dalam hubungan pemerintah dengan yang diperintah. Mohamad Haji Yusuf pernah menegaskan bahawa “selagi wujud sistem raja-rakyat, selagi itulah berterusan fenomena patuh dan taat itu” (Mohamad Haji Yusuf, 1993 : 58).

Dari dimensi sosio-budaya, Ismail Hamid (1991) mengatakan bahawa ketaatan adalah sifat semulajadi orang Melayu. Nilai ini telah mendarah daging dalam kebudayaan Melayu melalui adat resam dan pantang larang yang diamalkan oleh

orang Melayu dalam menghormati dan mentaati ibu bapa dan orang-orang tua. Melalui hubungan ini, ketaatan berkembang menjadi satu prinsip hubungan di antara tuan dan anak buah dalam struktur sosio-politik masyarakat Melayu.

Menurut Ibn Khaldun (1995), ketaatan adalah asas utama yang mencirikan hubungan pengikut dengan ketua dalam masyarakat berkabilah atau berpuak. Ketaatan yang diasaskan pada hubungan darah atau matlamat politik yang sama akan membentuk semangat ‘*asabiyah*. Nilai ketaatan inilah yang membentuk kerjasama antara rakyat dan pemerintah dalam pembangunan negara ke arah mencapai ketamadunan yang tinggi. Ketaatan inilah juga yang dapat menyatukan tenaga masyarakat untuk mempertahankan negara dari pencerobohan kuasa asing.

Soal ketaatan dan protes juga pernah dibincangkan di Barat, khususnya dalam kerangka teori sains politik sejak abad ke-18. Isu ini dikemukakan dalam bentuk perjanjian sosial atau “kontrak sosial” yang merupakan persetujuan rakyat yang secara sukarela menyerahkan ketaatan dan hak mereka di bawah jagaan, jaminan, lindungan dan tanggungjawab kerajaan. Sebenarnya kesan-kesan teori kontrak sosial telahpun wujud dalam pemikiran zaman kuno dan pertengahan, namun dokrin ini telah dihidupkan kembali oleh golongan liberal moden, yang dimulakan oleh tulisan Hobbes melalui *Leviathan* dan dikatakan berakhir dengan tulisan Kant bertajuk *Metaphysical Elements of Justice* (Miller, 1987 : 479).

Dalam fahaman yang umum, protes merupakan elemen yang dicetuskan akibat rasa tidak puas hati satu pihak terhadap pihak yang lain. Gagasan ini ditakrifkan sebagai ‘penyataan tidak setuju atau sanggahan yang ditunjukkan melalui tindakan menentang atau membantah’ (*Kamus Dewan*, 1990 : 1253). Dalam konteks sains politik, istilah protes ditakrifkan sebagai ‘bantahan dan ketidaksetujuan yang tegas

terhadap tindakan yang dilakukan oleh sesebuah negara, atau sekumpulan negara, yang dianggap tidak betul atau salah' (Nanda, 1989 : 250).

Menurut Scott (1985 : XIX) protes adalah satu sindrom khusus yang berkait rapat dengan budaya politik tempatan. Protes bermakna, seseorang itu secara langsung atau tidak langsung menyatakan bantahan dan menentang pihak yang memiliki kuasa. Dalam pengertian ini, protes boleh difahamkan sebagai satu tindakan tidak puas hati yang berorientasikan keadaan atau suasana politik tempatan oleh golongan yang tertekan terhadap mereka yang berkuasa serta mengawal sistem politik sesebuah masyarakat.

Gurr (1970 : 12-13) dalam huraianya tentang teori keganasan politik menjelaskan bahawa protes berlaku melalui beberapa peringkat. Ia bermula dari perasaan tidak puas hati. Perasaan tidak puas hati itu kemudiannya dipolitikkan sehingga akhirnya terjelma dalam bentuk tindakan ganas yang menentang objek-objek politik dan pelaku-pelaku politik. Faktor utama yang merangsang peserta-peserta melibatkan diri dalam sesuatu keganasan kolektif ialah perasaan tidak puas hati mereka kerana menganggap bahawa hak mereka telah dinafikan.

Berdasarkan pentakrifan tersebut, manifestasi protes boleh berbentuk terbuka atau terang-terangan dan boleh juga berbentuk tertutup, iaitu secara senyap atau tersembunyi. Protes yang dilahirkan secara terbuka boleh mengambil bentuk kecaman, tunjuk perasaan, penderhakaan, amukan, pemberontakan, gerakan kebangsaan, revolusi dan akhir sekali peperangan. Sebaliknya protes secara tertutup boleh jadi berbentuk bantahan secara diam, kritikan atau sindiran. Jesteru ada kalanya protes boleh menimbulkan tindakan kekerasan sehingga mengakibatkan kecederaan atau pembunuhan. Protes yang dilakukan secara aman pula lebih merupakan bantahan atau usaha menolak perintah atau tindakan pihak tertentu.

Menurut pengamatan dan kajian Scott (1985), protes di kalangan masyarakat Melayu berpunca daripada konflik ideologi yang seringkali berkait dengan ciri feudalisme yang wujud dalam budaya politik Melayu. Eksplorasi yang dirasionalkan melalui asas feudalisme telah menyebabkan protes di kalangan petani Melayu khususnya, mengambil bentuk dan ciri-ciri tertentu yang berbeza daripada protes yang berlaku di Barat. Demikianlah, tindakan protes boleh berlaku dalam berbagai keadaan dan bentuk serta digerakkan pula oleh beraneka matlamat, dengan kesan dan akibat yang berbagai-bagai pula.

Untuk memahami latar belakang konsep ketataan dan protes dalam masyarakat Melayu, kita perlu mentakrifkan dengan jelas sistem politik Melayu. Dalam struktur politik Melayu, sistem pemerintahan terbahagi dengan jelas kepada dua golongan, iaitu *yang memerintah* dan *yang diperintah*. Straifikasi kelas yang wujud dalam pembahagian ini pula memainkan peranan penting dalam sistem politik Melayu.

Pada zaman Melaka, pemerintah merujuk secara khusus kepada raja atau sultan. Kelas pemerintah pula merujuk kepada golongan istana yang terdiri dari pembesar-pembesar negeri yang berkuasa, setimpal dengan kedudukan atau jawatan mereka dalam kerajaan. Golongan yang diperintah pula terdiri daripada mereka yang berada di bawah kawalan pemerintah, mereka termasuklah golongan pembesar dan rakyat Melayu seluruhnya (Gullick, 1970 : 105).

Lazimnya, struktur masyarakat Melayu pada zaman Kesultanan Melaka digambarkan sebagai sebuah masyarakat feudal. Oleh yang demikian dalam kajian ini konsep feudal digunakan dengan maksud struktur politik dan organisasi sosial feudal, yang secara khusus menumpukan kepada sikap eksplorasi pemerintah dan sikap tunduk menyerah pihak yang diperintah.

Pada zaman kolonial, pemerintah bermaksud raja atau sultan sedangkan kelas pemerintah Melayu terdiri daripada sultan dan kelas bangsawan serta pentadbir yang telah bekerjasama dengan kuasa kolonial British. Struktur sistem politik Melayu ini kekal sehingga selepas merdeka. Sultan kekal sebagai pemerintah dan kelas pemerintah merangkumi sultan-sultan dan pemimpin-pemimpin politik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang menjadi teras kerajaan dan pertubuhan politik yang didukung oleh majoriti orang Melayu. Melalui struktur politik kepartian ini juga dapat kita lihat kedudukan Presiden UMNO yang diangkat sebagai Perdana Menteri lantas menduduki status sebagai ‘pemerintah’ kepada orang Melayu.

Di dalam huraian tadi, tiga konsep yang merupakan tiga kata kunci utama yakni ; *ketaatan, protes dan sistem politik Melayu* telah dikemukakan. Beberapa perkara perlu diberi perhatian tentang ketiga-tiga konsep tersebut. Pertama, takrifan tentang Melayu itu sendiri dan bagaimana ia berkaitan dengan Islam sebagai agama yang mencirikan masyarakat Melayu.

Pada asasnya takrifan Melayu boleh didekati melalui dua sudut pendekatan. Dari sudut pendekatan sosio-budaya, identiti Melayu merujuk kepada salasilah rumpun bangsa Melayu dan mereka yang bertutur dalam bahasa tersebut. William (1969 : 675) mentakrifkan bangsa Melayu sebagai penduduk yang mendiami Asia Tenggara dan berasal dari bangsa Austronesia. Namun tidak kurang juga sarjana yang mentakrifkan Melayu mengikut daerah atau wilayah yang diduduki. Ronkel (1950 : 23), misalnya mentakrifkan bangsa Melayu sebagai penduduk yang mendiami Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Riau Lingga dan beberapa daerah di Sumatera. Robequin (1964 : 64) memperluaskan wilayah alam Melayu itu hingga meliputi Indonesia dan Filipina. Dari himpunan takrifan inilah terbentuknya istilah-

istilah seperti *orang Melayu, bangsa Melayu, bahasa Melayu* dan *Tanah Melayu* serta *Alam Melayu* (Ismail Hamid, 1991).

Dari segi budaya, definisi Melayu meliputi kawasan yang luas – meliputi penduduk dan kaum yang mendiami gugusan pulau-pulau Melayu atau Nusantara. Sebaliknya apabila melalui zaman penjajahan barat, sempadan Melayu telah dipecah-pecahan kepada sempadan politik negeri-negeri tertentu. Orang Melayu di sebelah selatan, iaitu dari Pulau Maluku hingga ke Sumatera yang dikuasai oleh Belanda, dinamakan bangsa Indonesia. Sementara itu mereka yang tinggal di sebelah utaranya disebut bangsa Filipina (Syed Husin Ali, 1979 : 3). Akhirnya, Semenanjung Tanah Melayu yang dikuasai oleh pihak British disebut sebagai bangsa Melayu. Mungkin ‘Melayu’ digunakan untuk mengekalkan kesinambungan kesultanan Melayu Melaka yang pada satu masa lalu tersebar luas di negeri-negeri Melayu yang berada di rantau ini.

Kepelbagaiannya makna dan rujukan identiti Melayu ini menunjukkan bahawa takrifan Melayu itu tidaklah bersifat menyeluruh. Penggunaan dan pengertian Melayu itu telah berkembang mengikut keadaan dan kepentingannya. Professor Asmah Haji Omar (1985) turut menyatakan bahawa istilah ‘Melayu’ boleh digunakan dalam pengertian yang luas dan sempit. Sebenarnya dapat dipertanggungjawabkan bahawa istilah ‘Melayu’ sangat bergantung pada lingkungan wacana serta suasana emosi penuturnya. Jadi berbagai-bagai makna yang dapat diberikan kepada kata ‘Melayu’ itu.

Dalam kajian ini, istilah Melayu digunakan untuk merujuk kepada pentakrifan Melayu yang berubah dan berkembang, mengikut keadaan dan kepentingannya. Pada zaman kesultanan Melaka, Melayu dirujuk berdasarkan rumpun bangsa Melayu yang menuturkan bahasa Melayu dan mengamalkan adat Melayu, yang secara longgar

dirujuk pada masyarakat feudal yang mendiami suatu kewilayah yang kini disebut Alam Melayu atau Nusantara.

Sebaliknya takrifan Melayu menjadi lebih khusus apabila menjelaki zaman kolonial British, iaitu pada awal hingga pertengahan kurun ke-19. Pada zaman tersebut Melayu merujuk kepada suatu bangsa yang memiliki ciri-ciri kebudayaan tertentu yang membezakan mereka daripada kelompok etnik pendatang dari China, India, Arab dan Eropah. Sebagaimana yang pernah disebut dalam catatan Raffles (1816 : 103) sebagai “*..as one people, speaking one language, though spread over so wide a space, and preserving their character and customs*”.

Kelangsungan makna ini dilanjutkan semasa zaman pascakolonial. Perlembagaan Malaysia mentakrifkan “Melayu” sebagai “seseorang yang menganut agama Islam, lazimnya bercakap bahasa Melayu, menurut adat istiadat Melayu dan (a) lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura atau pada Hari Merdeka itu, ia adalah bermastautin di Persekutuan atau di Singapura. (b) atau ia adalah keturunan dari seseorang yang tersebut di atas” (Perlembagaan Malaysia, Bahagian 12 : Fasal 160).

Oleh yang demikian, sesiapa sahaja yang menjadi warganegara Malaysia dari apa bangsapun juga layak bergelar Melayu dan berhak mendapat hak keistimewaan Melayu sekiranya ia memenuhi ketiga-tiga syarat perlembagaan ini, terutamanya dari segi pemelukan agama Islam. Walaupun takrifan ini telah diperluaskan sehingga sesiapa sahaja yang memeluk Islam boleh dikatakan sebagai ‘masuk Melayu’, namun dalam konteks politik, Melayu sebenarnya telah disempitkan wilayahnya kepada kepada penduduk Malaysia sahaja (Ismail Hamid, 1991 : 5).

Berdasarkan pentakrifan yang telah dibentangkan tadi, kita boleh menyimpulkan bahawa Melayu sebagai satu identiti bangsa yang mendukung nilai-

nilai peradaban tertentu masih dapat dibincang dan dianalisis melalui rangka tubuh Islam sebagai agama. Walaupun permaknaan Melayu itu telah disatukan sebagai umat Islam, kesan pengaruh Islam ke atas bangsa Melayu tidak memakai bentuk yang sama dengan umat-umat Islam lain di dunia. Dengan itu juga, ketaatan dan protes sebagai nilai yang tertanam dalam tradisi Melayu dapat dibandingkan melalui prinsip yang termaktub dalam ajaran agama Islam. Jesteru, perbandingan nilai ketaatan dan protes dalam politik Melayu dan Islam akan dikaji melalui implikasi yang terbentuk dari pertembungan dua peradaban tersebut.

## 1.2 Kepentingan Kajian

Penyelidikan tentang kuasa, keadilan dan protes merupakan percubaan penulis untuk mengkaji satu fenomena politik Melayu dalam kerangka peradaban Islam. Dalam mengharungi kancang pertembungan ideologi dunia masa kini, salah faham tentang aplikasi konsep Islam ke atas institusi politik tetap wujud. Hal ini benar lebih-lebih lagi di saat pembangunan institusi politik yang kian berubah ke arah bentuknya yang moden. Ideologi ketaatan dan kontradiksinya, iaitu protes, tetap mempunyai orientasi sosialnya yang tersendiri. Kesejajaran dan perbezaannya dari konsep peradaban Islam sangat ketara.

Konsep keadilan Islam boleh dikaji dan diintrepitasikan hanya apabila terminologi dan konteks yang tepat digunakan. Mengambil ini sebagai titik tolak, penulis berharap agar kajian ini mampu memberikan pengetahuan yang berguna dalam lingkungan ilmu bahawa prinsip ketaatan dan protes telah, dan masih digunakan dalam pembentukan peradaban Melayu.

Kajian yang menitikberatkan sudut perkembangan sejarah yang dicadangkan adalah amat penting untuk menerbitkan pemahaman yang mantap mengenai ketaatan,

keadilan, kuasa dan protes. Nilai ketaatan dan protes yang diamalkan dalam sistem politik moden yang memakai bentuk *nation-state* akan disorot dengan melihat reaksi terhadap konsep-konsep tersebut.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Kajian ini bertujuan menyelidiki persoalan ketaatan dan protes dalam politik Melayu dan Islam dengan melihat perbandingan nilai dan konsep tentangnya. Secara ringkas kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif :

- i. Sebagai suatu sumbangan ke arah pemahaman yang komprehensif tentang konsep ketaatan dan protes dalam pembinaan peradaban Melayu.
- ii. Untuk membandingkan prinsip ketaatan dan protes dimanifestasikan dalam sistem politik Melayu dan Islam.
- iii. Untuk menganalisis pengalaman sistem politik Melayu tentang konsep kuasa dan keadilan dalam pentadbiran.
- iv. Untuk mencari jawapan kepada pengekalan dan penerusan idealisme ketaatan dan protes dalam amalan pemerintahan moden di Malaysia.

### **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini akan menumpukan perbincangannya kepada persoalan ketaatan dan protes di dalam sistem politik Melayu. Dengan mengambil masyarakat Melayu di Malaysia sebagai model kajian, maka skop kajian ini akan hanya terhad kepada masyarakat Melayu yang telah berkembang dalam rekod-rekod sejarah politik yang ada tersimpan dalam simpanan perpustakaan universiti.

Oleh kerana kajian ini hanya menumpukan kepada nilai ketaatan dan protes yang berkembang dalam sistem politik Melayu, maka penghadan tempoh masa yang

ketat tidak digunakan. Memandangkan kajian ini sangat bergantung kepada sumber-sumber sejarah yang sedia terhad, bolehlah dianggap skop kajian ini akan bermula dari zaman kesultanan Melayu Melaka dan berakhir pada zaman awal pascakolonial.

### **1.5 Metodologi**

Metodologi yang dipakai untuk mencapai objektif kajian ini akan menggunakan tiga pendekatan asas, iaitu ;

- i. Pendekatan Penafsiran dan Analisis
  - ii. Pendekatan Dokumentari Persejarahan
  - iii. Pendekatan Perbandingan.
- 
- i. Penafsiran dan Analisis

Penafsiran dan analisis yang sistematik terhadap sumber pertama akan digunakan sebagai pendekatan pertama dalam mengkaji persoalan ketaatan dan protes dalam sistem politik Melayu. Prinsip ketaatan dan protes dalam politik Islam akan dijelaskan secara tafsiran terhadap sumber-sumber rujukan yang dapat dikaitkan, iaitu yang terdiri daripada al-Quran, Hadis atau Sunnah dan Ijmak. Sistem politik Melayu moden yang mengambil bentuk baru akan dianalisis secara sepintas lalu dengan tumpuan khusus kepada unsur ketaatan dan protes.

#### **ii. Pendekatan Dokumentari Persejarahan.**

Kajian ditumpukan pada sumber-sumber sejarah yang dapat digunakan untuk menerangkan sistem politik Melayu yang memusatkan kuasa kepada sultan-sultan. Berdasarkan sumber-sumber sejarah, penulis akan cuba membentangkan fakta-fakta tentang amalan ketaatan dan protes dalam tempoh pemerintahan kerajaan Melayu tradisional sehingga kerajaan Melayu moden yang berbentuk kepartian.

### iii. Pendekatan Perbandingan

Penulis akan mengambil beberapa peristiwa sejarah yang berkaitan dengan isu ketaatan dan protes dalam sejarah politik Melayu untuk dibandingnilaikan dengan doktrin yang terdapat dalam ajaran agama Islam. Perbandingan ini hanya akan menumpukan kepada kesan pengaruh dari pertembungan dua peradaban ini.

Perbandingan secara terpisah tidaklah sesuai digunakan kepada masyarakat Melayu yang sememangnya merupakan penganut agama Islam.

### 1.6 Sumber

Kajian ini akan meneliti beberapa sumber utama dalam himpunan sastera lama Melayu yang kira-kira tertulis dalam tempoh waktu yang sama dan mengenai maudok yang sama, iaitu sistem politik dan pemerintahan Melayu. Karya-karya utama yang dirujuk ialah *Sejarah Melayu*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Tuhfat al-Nafis*. Karya-karya lain seperti *Tajul Salatin*, *Kisah Raja-raja Pasai* dan *Kisah Pelayaran Abdullah* juga akan digunakan sebagai tambahan yang melengkapi kajian ini. Walaupun hanya beberapa karya utama ini yang diambil kira, namun tidak dinafikan terdapat banyak lagi karya lain dalam kategori sejarah politik masyarakat Melayu yang patut digunakan untuk membentuk huraian lengkap. Namun ia tidak tercapai kerana beberapa kesuntukan yang membatas kajian ini.

Bahan rujukan berbentuk manuskrip, buku, jurnal, artikel dan kertas kerja persidangan yang berkaitan sistem politik Melayu dan Islam adalah banyak, namun penulisan berkaitan isu ketaatan dan protes adalah sangat sedikit. Oleh yang demikian hasil kerja akademik yang berkaitan tentang isu ketaatan dan protes dalam politik Melayu dan Islam telah dipilih dan digunakan sebagai sumber kedua dalam kajian ini.